



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

29 Syawal 1443 / 30 Mei 2022

- I. Hari ini, Isnin, 29 Syawal 1443 bersamaan dengan 30 Mei 2022, sebanyak **306 kes baru** telah dilaporkan iaitu 304 kes hasil ujian ART dan 2 kes adalah hasil dari 156 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **148,395** kes. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala **1 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sebanyak **233 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **146,639 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,533 kes** iaitu 5 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,528 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

2. Oleh kerana semua pusat vaksinasi tidak beroperasi semalam, statistik terkini program vaksinasi kekal seperti yang dinyatakan di dalam Sidang Media semalam iaitu 80.4% kanak-kanak di dalam kumpulan umur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos pertama vaksinasi COVID-19 dan 47.4% juga telah mendapatkan dos kedua. Sementara itu, 70.4% rakyat dan penduduk negara ini telah menerima tiga dos vaksin.
3. Marilah kita semua memanjatkan doa dan bertawakal agar Negara Brunei Darussalam dan rakyat serta penduduknya sentiasa diberikan petunjuk oleh Allah Subahanahu Wa Ta'aala dalam menjalani endemik ini dan diberikan keselamatan daripada segala fitnah dan wabak penyakit. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 29 Syawal 1443H / 30 Mei 2022